BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No Ruj.: 02/16/04

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Khamis, 18 Februari 2016

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2015

TINJAUAN KESELURUHAN

Aktiviti ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana pada suku keempat 2015. Ekonomi maju mencatat peningkatan yang sederhana walaupun kadar pertumbuhan terus dipengaruhi kesan buruk berkaitan krisis, termasuk keberhutangan yang tinggi dan kelemahan pasaran pekerja. Di Asia, aktiviti ekonomi terus disokong oleh permintaan dalam negeri dalam keadaan prestasi eksport yang lemah. Perbezaan dalam pendirian dasar monetari adalah lebih ketara berikutan cabaran dalam negeri bersifat khusus yang berbeza-beza antara negara.

Ekonomi Malaysia berkembang 4.5% pada suku keempat 2015

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.5% pada suku keempat 2015 (S3 2015: 4.7%), disokong terutamanya oleh permintaan sektor swasta. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara berkembang 1.5% (S3 2015: 0.7%). Bagi tahun 2015, ekonomi Malaysia berkembang 5.0%.

Ekonomi berkembang pada suku keempat
(pada harga malar tahun 2010)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Meskipun persekitaran ekonomi adalah mencabar pada suku keempat, sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Penggunaan swasta berkembang 4.9% (S3 2015: 4.1%), disokong oleh pertumbuhan upah dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Pelaburan swasta berkembang 5.0% (S3 2015: 5.5%), didorong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pelaburan awam mencatat pertumbuhan sederhana pada suku keempat (0.4%; S3 2015: 1.8%), berikutan pertumbuhan perbelanjaan yang lebih rendah untuk harta tetap oleh Kerajaan Persekutuan. Sementara itu, penggunaan awam mencatat pertumbuhan yang mampan sebanyak 3.3% (S3 2015: 3.5%), apabila pertumbuhan yang lebih kukuh dalam emolumen diimbangi oleh peningkatan lebih perlahan dalam perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan.

Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama menyokong pertumbuhan pada suku keempat. Pertumbuhan sektor perkhidmatan disokong oleh aktiviti berkaitan penggunaan dan perdagangan. Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan lebih tinggi sedikit, disokong terutamanya oleh industri berorientasikan dalam negeri. Pertumbuhan sektor pembinaan pula disokong oleh subsektor kejuruteraan awam dan kediaman. Sementara itu, pertumbuhan sektor pertanian menjadi sederhana, mencerminkan pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah. Sektor perlombongan, bagaimanapun, menguncup disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah.

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 2.6% pada suku keempat 2015 disebabkan oleh harga bahan api dalam negeri yang lebih rendah. Walau

bagaimanapun, keadaan ini diimbangi sebahagiannya oleh inflasi makanan dan rokok yang lebih tinggi.

Lebihan perdagangan meningkat kepada RM30.4 bilion pada suku keempat 2015 (S3 2015: RM22.2 bilion). Eksport kasar mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 8.1% (S3 2015: 5.5%), disokong terutamanya oleh keluaran perkilangan bukan berasaskan sumber, khususnya jentera, kelengkapan dan peralatan, serta keluaran logam. Sementara itu, import kasar terus meningkat 3.7% (S3 2015: 2.9%), mencerminkan import yang lebih tinggi bagi semua kategori import utama.

Rizab antarabangsa BNM berjumlah RM409.1 bilion (bersamaan dengan USD95.3 bilion) pada 31 Disember 2015. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing.

Pada 29 Januari 2016, kedudukan rizab berjumlah RM410.1 bilion (bersamaan dengan USD95.5 bilion). Paras rizab antarabangsa ini kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa. Paras ini memadai untuk membiayai 8.4 bulan import tertangguh serta jauh lebih tinggi daripada paras ambang antarabangsa iaitu 3 bulan. Paras rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi obligasi luaran dengan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek sebanyak 1.2 kali. Penting untuk diketahui bahawa bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luaran dan perolehan eksport pada paras yang tinggi.

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku keempat 2015. Pada kadar semasa OPR ini, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi. Meskipun kadar antara bank di bawah tempoh 1 bulan adalah stabil, kadar bagi tempoh melebihi 1 bulan terus menunjukkan trend meningkat pada suku itu disebabkan oleh permintaan bank yang lebih tinggi terhadap pendanaan yang stabil. Ini menyebabkan persaingan dalam kalangan bank untuk memperoleh deposit melalui penawaran kadar deposit yang lebih tinggi. Kos pendanaan yang meningkat akibat persaingan telah dipindahkan kepada kadar pinjaman dalam pasaran antara bank. Dari segi kadar runcit, kadar deposit stabil sepanjang suku keempat. Kadar asas (base rate, BR) purata bank pada akhir suku itu meningkat sedikit, mencerminkan semakan menaik terhadap BR berikutan kadar KLIBOR yang lebih tinggi.

Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM12.8 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 2.7% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September: 5.2%). Ini didorong terutamanya oleh peningkatan berterusan dalam pemberian kredit kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di BNM kekal lebih daripada mencukupi, melebihi RM200 bilion pada akhir bulan Disember. Sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh untuk memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan domestik, BNM mengurangkan nisbah keperluan rizab berkanun (statutory reserve requirement, SRR) daripada 4.00% kepada 3.50% mulai 1 Februari 2016.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM331.4 bilion (S3 2015: RM287.9 bilion) pada suku keempat. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan Sekuriti Hutang Swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan yang secara relatif stabil sebanyak 8.6% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2015: 8.8%). Walaupun kadar pertumbuhan tahunan pinjaman perniagaan terkumpul adalah lebih perlahan sebanyak 8.0% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2015: 11.0%), jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan meningkat pada suku keempat. Pembiayaan kepada PKS kekal tinggi, dengan kadar pertumbuhan tahunan pinjaman PKS terkumpul sebanyak 15.0% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2015: 17.6%). Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul, bagaimanapun, menjadi sederhana kepada 7.7% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2015: 8.1%), mencerminkan terutamanya pinjaman untuk pembelian harta tanah bukan kediaman dan pembelian sekuriti yang sederhana. Dana bersih yang diperoleh melalui pasaran modal meningkat kepada RM51.4 bilion pada suku keempat (S3 2015: -RM2.6 bilion), didorong terutamanya oleh dana yang diperoleh melalui terbitan sektor swasta pada bulan Disember.

Ringgit bersama-sama dengan mata wang serantau yang lain tidak menghadapi turun naik yang ketara pada suku keempat meskipun terdapat ketidakpastian terhadap prospek pertumbuhan global dan harga tenaga global yang semakin menurun. Secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sebanyak 3.6% berbanding dengan dolar AS pada suku itu. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (6.7%), paun sterling (6.0%) dan yen Jepun (4.0%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan dolar Australia (-0.5%). Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan semua mata wang serantau, antara 2.4% hingga 5.8%, kecuali berbanding dengan rupiah Indonesia (-2.4%).

Antara 1 Januari hingga 16 Februari 2016, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (3.5%). Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (6.3%), dolar Australia (5.4%) dan euro (1.4%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-1.3%). Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau.

Kestabilan kewangan dalam negeri terus terpelihara

Sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan sepanjang suku keempat meskipun persekitaran turun naik pasaran kewangan meningkat berikutan ketidakpastian mengenai pertumbuhan dan harga tenaga global. Pengantaraan kewangan domestik terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang teguh dan mempunyai permodalan yang kukuh. Mudah tunai sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi meskipun kadangkala terdapat keadaan pendanaan yang sukar. Walaupun pelabur mengambil pendekatan berhati-hati dalam tempoh yang akan datang, sistem kewangan domestik dijangka terus stabil. Kedalaman dan kemajuan pasaran kewangan domestik terus memberikan sokongan terhadap keadaan pasaran yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan negara.

Permodalan institusi kewangan Malaysia kekal kukuh. Nisbah modal ekuiti biasa Kumpulan 1 (common equity tier-1 capital, CET 1), modal Kumpulan 1 (tier-1 capital), dan nisbah jumlah modal bank kekal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.8%, 13.8% dan 16.1%. Lebih 80% daripada jumlah modal bank merupakan modal berkualiti tinggi, yang terdiri daripada perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab. Nisbah kecukupan modal bagi sektor insurans turut kekal kukuh pada 245.5% (S3 2015: 243.8%). Secara agregat, bank, penanggung insurans dan pengendali takaful mempunyai penampan modal berjumlah RM147.4 bilion (bank: RM117.3 bilion; penanggung insurans/pengendali takaful: RM30.1 bilion), yang boleh menampung sebarang kemungkinan kerugian daripada keadaan kredit dan pasaran yang buruk.

Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Risiko prospek pertumbuhan global menjadi lebih perlahan masih tinggi. Ini dicerminkan oleh pasaran kewangan yang kembali mengalami turun naik yang meningkat pada minggu-minggu awal tahun 2016, berikutan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi-ekonomi utama, kejatuhan harga tenaga dan peralihan dasar global. Melangkah ke hadapan, meskipun ekonomi global diunjurkan terus berkembang, pertumbuhan dijangka sederhana dan tidak sekata. Kadar pemulihan ekonomi maju utama dijangka kekal sederhana. Sementara itu, meskipun pertumbuhan di Asia

dijangka perlahan, permintaan dalam negeri diunjurkan terus menyokong pertumbuhan.

Ekonomi Malaysia dijangka menghadapi persekitaran operasi yang mencabar dalam tempoh terdekat ini. Pertumbuhan akan terus didorong oleh permintaan dalam negeri, dengan sedikit sumbangan daripada eksport bersih. Namun demikian, kadar pertumbuhan permintaan dalam negeri dijangka sederhana. Walaupun penggunaan swasta terus mendapat sokongan daripada pertumbuhan pendapatan dan pekerjaan, ia dijangka menjadi sederhana apabila isi rumah terus membuat penyesuaian dengan kos sara hidup yang meningkat. Sementara itu, pelaburan swasta diunjurkan lebih rendah daripada trend jangka panjangnya, namun akan terus disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan serta pelaksanaan projek-projek infrastruktur. Risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan, bagaimanapun, akan berterusan ekoran persekitaran luaran yang terus tidak menentu dan pembaharuan yang sedang dilaksanakan untuk ekonomi dalam negeri.

Bank Negara Malaysia
18 Februari 2016

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2014		2015		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan	53.5	6.6	6.5	4.4	5.0	5.1
Perkilangan	23.0	5.4	6.2	4.8	5.0	4.9
Perlombongan	8.9	9.5	3.3	5.3	-1.4	4.7
Pertanian	8.8	-3.7	2.1	2.4	1.3	1.0
Pembinaan	4.4	8.8	11.8	9.9	7.4	8.2
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.7**	**6.0**	**4.7**	**4.5**	**5.0**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.8**	**-**	**0.7**	**1.5**	**-**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2014		2015		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan Tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri						
Agregat (tidak termasuk stok)	91.6	5.7	5.9	4.0	4.0	5.1
Sektor Swasta	69.2	8.3	7.9	4.4	4.9	6.1
Penggunaan	*52.4*	*7.6*	*7.0*	*4.1*	*4.9*	*6.0*
Pelaburan	*16.9*	*11.1*	*11.0*	*5.5*	*5.0*	*6.4*
Sektor Awam	22.4	0.6	0.4	2.8	2.1	2.1
Penggunaan	*13.5*	*2.5*	*4.4*	*3.5*	*3.3*	*4.3*
Pelaburan	*8.9*	*-1.9*	*-4.7*	*1.8*	*0.4*	*-1.0*
Eksport Bersih	8.6	-4.0	12.8	3.3	4.2	-3.7
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*73.0*	*1.9*	*5.1*	*3.2*	*3.7*	*0.7*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*64.4*	*2.6*	*4.2*	*3.2*	*3.6*	*1.3*
KDNK	**100.0**	**5.7**	**6.0**	**4.7**	**4.5**	**5.0**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.8**	**-**	**0.7**	**1.5**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia